



RUANG makanan disediakan UTHM kepada pelajar.

Sudut amal platform sumbang makanan

Batu Pahat: Atas dasar tanggungjawab dalam mengurangkan beban pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut membantu dengan menujuhkan sudut amal November lalu.

Yang Dipertua MPP UTHM, Syafaruddin Rahim berkata, sudut amal itu adalah platform terbaru dicetuskan pihak universiti bagi menggalakkan individu termasuk pensyarah dalam menyalurkan bantuan berbentuk makanan serta barang keperluan khusus kepada pelajar kurang berkelebihan.

Menurutnya, usaha itu sekali gus mengurangkan ma-

salah pelajar yang terpaksa mengikat perut kerana kesempitan wang sepanjang meneruskan pengajian di universiti itu.

"Pelbagai platform disediakan oleh pengurusan universiti termasuk MPP sendiri.

"Antara usaha terbaru dilakukan adalah menyediakan sudut amal yang memberi peluang pelajar dan pensyarah menyumbangkan apa jua makanan supaya mana-mana pelajar yang tidak berkemampuan dapat menikmatinya secara percuma.

"Antara makanan yang

selalu diletakkan di sudut itu ialah nasi lemak, kuih muih, roti, biskut, serta minuman dan walaupun nampak ringkas, namun ia sedikit sebanyak mampu mengalas perut pelajar," katanya.

Menurut Syafaruddin, sejak dua bulan sudut amal itu diperkenalkan, ia berjaya mendapat reaksi positif daripada kebanyakan pelajar menerima kebaikan kaedah berkenaan.

"Alhamdulillah sejak ia dipерkenalkan, ramai memuji usaha ini kerana sedikit sebanyak mampu mengurangkan perbelanjaan mereka

yang semakin meningkat sa-ban hari," katanya ketika di temui di UTHM di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Syafaruddin berkata, pelajar seharusnya menyuarakan masalah mereka ke saluran yang betul dan bukan hanya bertindak berdiam diri hingga terpaksa 'ikat perut'.

"Tindakan mengikat perut bukan satu-satunya cara menyelesaikan masalah kerana universiti sendiri mempunyai pelbagai cara dan saluran bantuan."

"MPP dan pengurusan UTHM sendiri turut prihatin dan sedia membantu meneruskan pelbagai saluran yang sedia ada," katanya ketika ditemui.

FAKTA
Usaha dapat
kurangkan masalah
pelajar yang
terpaksa mengikat
perut